

IMPAK AKTIVITI PELANCONGAN KE ATAS KOMUNITI SETEMPAT DI TANJUNG SIMPANG MENGAYAU, KUDAT, SABAH, MALAYSIA

IMPACT OF TOURISM ACTIVITIES ON THE LOCAL COMMUNITIES IN TANJUNG SIMPANG MENGAYAU, KUDAT, SABAH, MALAYSIA

Jessica James¹ & Rosazman Hussin (PhD)²

¹ Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Malaysia Sabah
jessysicca8595@gmail.com

² Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS),
Universiti Malaysia Sabah
azzs@ums.edu.my

ABSTRACT

Tourism activities in rural areas are one of the initiatives carried out to help the development of communities around tourism centres, especially in the state of Sabah. This is because, the existence of tourism activities is seen to have more impact on the nearby communities whether from economic, social, or cultural aspects. The three main objectives of this study are the first; identify the 'trend' of tourism activities developing in Tanjung Simpang Mengayau. Second, examine the impact of tourism activities on the community from economic, social, and cultural aspects in Tanjung Simpang Mengayau. Third, evaluate the impact management of tourism activities by the local community for the sustainability of tourism activities in Tanjung Simpang Mengayau. For the data collection of this research, the researcher applied qualitative methods. Through this method, the researcher interviewed 34 informants. The results of this study found that the 'trend' of the development of tourism activities from the aspect of accommodation and water sports developed successfully from 2004 when this tourism centre was opened. Next, through interviews with 34 informants, it can be concluded that the tourism activities that take place in Tanjung Simpang Mengayau have a positive impact on the nearby community. Despite facing the negative impact of the Covid-19 infectious disease season, the nearby community managed to overcome the impact to continue to maintain the sustainability of tourism activities in the tourism centre involved.

Keywords: Impact, Tourism Activities, Impact of Tourism, Local Communities

² Corresponding author, (Rosazman Hussin; azzs@ums.edu.my)

ABSTRAK

Aktiviti pelancongan di kawasan luar bandar merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan untuk membantu pembangunan komuniti di sekitar pusat pelancongan, khususnya di negeri Sabah. Hal ini demikian kerana, kewujudan aktiviti pelancongan dilihat lebih banyak memberi impak kepada komuniti berhampiran samada dari aspek ekonomi, sosial dan budaya. Tiga objektif utama kajian ini iaitu pertama; mengenal pasti '*trend*' aktiviti pelancongan berkembang di Tanjung Simpang Mengayau. Kedua, mengkaji impak aktiviti pelancongan terhadap komuniti dari aspek ekonomi, sosial dan budaya di Tanjung Simpang Mengayau. Ketiga, menilai pengurusan impak aktiviti pelancongan oleh komuniti setempat untuk kelestarian aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau. Bagi pengumpulan data penyelidikan ini, penyelidik mengaplikasikan kaedah kualitatif. Melalui kaedah ini, penyelidik telah menemubual 34 informan. Hasil kajian ini mendapati bahawa '*trend*' perkembangan aktiviti pelancongan daripada aspek penginapan dan sukan air berkembang dengan jayanya dari tahun 2004 dimana pusat pelancongan ini dibuka. Seterusnya, melalui temubual bersama 34 informan dapat disimpulkan bahawa aktiviti pelancongan yang berlaku di Tanjung Simpang Mengayau lebih memberi impak positif kepada komuniti berhampiran. Walaupun menghadapi impak negatif pada musim penularan penyakit berjangkit Covid-19, komuniti berhampiran berjaya mengatasi impak tersebut untuk terus mengekalkan kelestarian aktiviti pelancongan di pusat pelancongan terbabit.

Kata Kunci: Aktiviti pelancongan, Impak pelancongan, Komuniti setempat

PENGENALAN

Pada masa ini, pelancongan bukanlah sesuatu yang baru. Terdapat pelbagai negara yang menggalakkan pelancongan domestik dan antarabangsa untuk menjana pertumbuhan ekonomi dalam negara masing-masing. Kawasan luar bandar yang mempunyai keunikan alam semula jadi yang asli sering diterokai dan dimajukan untuk tujuan pelancongan (Jamaluddin Md. Jahi 2009). Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang banyak menyumbang kepada pendapatan ekonomi sesebuah negara serta mewujudkan peluang pekerjaan. Pelancongan telah menyumbang sebanyak 10% daripada jumlah pekerjaan dunia dan sebanyak 11% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia.

Di Malaysia, pada tahun 2017, industri pelancongan telah menyumbang pendapatan sebanyak RM201.4 billion. Sektor ini dijangkakan akan membawa masuk seramai 30 juta pelancong asing yang bakal menyumbang RM100 billion kepada ekonomi Negara menjelang tahun 2020 (Lim Guan Eng, Belanjawan 2019). Pelancong yang berasal dari negara Singapura, China, dan Indonesia merupakan pelancong yang

amat ramai melancong di Negara Malaysia. Manakala di Negeri Sabah sahaja, menurut bekas Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam sekitar, Datuk Seri Masidi Manjun jumlah pelancong ke Sabah sehingga Julai 2016 meningkat sebanyak 5.5% iaitu 1,819,627 orang berbanding 1,725,334 orang pada tahun 2017. Di Malaysia, pelancongan yang berasaskan alam semula jadi seperti di kawasan pinggir pantai semakin bertambah tahun demi tahun. Misalnya, di negeri sabah sahaja terdapat banyak pelancongan yang dijalankan berasaskan alam semulajadi sebagai daya tarikan para pelancong luar mahupun dalam Negara.

Oleh itu kitab oleh katakana bahawa sektor industri pelancongan sentiasa berkembang saban tahun demi menarik lebih ramai pengunjung luar mahupun dalam negara demi untuk meningkatkan dan menstabilkan ekonomi sesebuah negara. Pembangunan aktiviti pelancongan akan memberi impak positif dan juga negative terhadap komuniti setempat di sekitar kawasan berhampiran sama ada dari aspek ekonomi, sosial, dan budaya. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa kajian lepas yang merumuskan bahawa aktiviti pelancongan memberi impak negatif terhadap budaya, sosial serta alam sekitar di suatu destinasi pelancongan tersebut yang tidak di kawal dengan baik (Lawrence Et Al, 1988; Glenn, 1992; Abraham & Aliza, 2002; S.M. Mohd Idris (1982).

SOROTAN LITERATUR

Pendekatan Pembangunan Pelancongan Mapan

Konsep pembangunan berkekalan dan bersepadu (mapan) yang diterima umum pada hari ini adalah hasil daripada Laporan Brundtland yang dihantarkan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1987 (Coccosis & Nijkamp 1995; Mowforth and Munt 1998) dengan definisinya:

“Development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs” (Mowforth and Munt, 1998)

Petikan tersebut merujuk kepada pembangunan ekonomi yang menggunakan sumber-sumber untuk memenuhi keperluan serta aspirasi kehidupan harian tanpa menghadkan kemampuan generasi yang akan datang untuk memenuhi keperluan dan aspirasi mereka.

Sharpley dan Telfer (2002: 242) meringkaskan definisi pembangunan pelancongan mapan kepada tiga bahagian. Pertama, pelancongan perlu membentuk suatu industri yang memandang berat terhadap kesan aktiviti ekonomi dalam penggunaan sumber bagi tempoh masa jangka panjang. Manakala, kedua adalah konsep kemapanan ini merupakan garis panduan dalam menilai semula peranan kegiatan


pelancongan di dalam sesebuah masyarakat iaitu memastikan kepenggunaan dalam kegiatan pelancongan pada hari ini tidak melebihi kemampuan tuan rumah (*host*) di destinasi dalam menawarkan sumber pelancongan kepada para pelancong pada masa akan datang. Ketiga, memfokus kepada mencapai matlamat pelancongan mapan yang merangkumi tiga matlamat. Matlamat yang pertama adalah memenuhi keperluan populasi destinasi pelancongan dari aspek meningkatkan taraf kehidupan dalam tempoh masa pendek dan panjang. Matlamat kedua adalah memenuhi cita rasa dan memuaskan hati serta terus menarik minat para pelancong untuk membuat lawatan dan penginapan. Seterusnya, yang ketiga adalah memelihara serta memulihara alam persekitaran demi mencapai dua matlamat yang diketengahkan.

Impak Pelancongan dan Indeks Tindak Balas Komuniti oleh Doxey (1976)

Indeks tindak balas pelancongan ini diperkenalkan oleh Doxey pada tahun 1976 bagi memahami impak pelancongan ke atas komuniti setempat. Indeks ini mengukur sikap ahli masyarakat atau komuniti setempat dalam menghadapi kegiatan pembangunan pelancongan yang ada di daerah mereka. Teori tindak balas index dari Doxey ini menggambarkan perubahan sikap masyarakat lokal terhadap pelancongan secara linier. Di samping itu, Indeks tindak balas ini juga bertujuan untuk mengetahui sikap ahli komuniti setempat tentang bagaimana hubungan mereka dengan para pelancong semasa kegiatan pelancongan dijalankan tersebut. Indeks tindak balas Doxey ini juga menjelaskan bahawa sikap ahli masyarakat yang pada awalnya positif boleh berubah secara perlahan-lahan menjadi semakin negatif iaitu seiring dengan pertambahan jumlah pelancong.

Menurut Doxey (1976), beliau menjelaskan bahawa terdapat empat (4) fasa sikap atau tindak balas ahli komuniti setempat yang dijelaskan melalui Gambar Rajah 1 di bawah.

Gambar Rajah 1:
Indeks Tindak balas Komuniti terhadap Pelancongan



Definisi Konsep Utama Kajian

i. Konsep Impak Aktiviti Pelancongan

Aktiviti pelancongan merupakan suatu aktiviti yang dijalankan oleh manusia yang memberi kesan dalam aspek ekonomi (Liu Et Al, 1987). Aktiviti pelancongan juga memberi impak positif terhadap aspek ekonomi serta infrastruktur, namun tidak dinafikan aktiviti pelancongan juga memberi kesan negatif terhadap aspek sosial (Šimková Et Al, 2007; Ancuta Et Al, 2011). Impak aktiviti pelancongan adalah sesuatu pembangunan yang dilaksanakan di suatu destinasi pelancongan yang bermaksud untuk membawa impak kepada komuniti setempat (Ko & Stewart, 2002). Sesuatu pembangunan aktiviti pelancongan itu amnya menggunakan intensif buruh yang mana ianya terdiri daripada komuniti setempat (Upchurch & Teivane, 2000). Kebanyakkan usaha aktiviti pelancongan yang dilaksanakan adalah berasaskan alam sekitar, oleh itu impak aktiviti pelancongan seharusnya membawa kebaikan kepada komuniti setempat kerana mereka yang tinggal berdekatan dengan lokasi aktiviti pelancongan ini amat sensitif dengan keadaan persekitaran mereka. Impak positif yang dibawa melalui pembangunan pelancongan amat penting bagi menjaga kelestarian pembangunan pelancongan tersebut (Upchurch & Teivane, 2000).

Sebelum sebarang pembangunan pelancongan dilaksanakan, faktor budaya, sosial, dan ekonomi yang ada pada sesuatu komuniti setempat itu akan diambil kira terlebih dahulu sebagai penentu kepada keberkesanan sesuatu aktiviti pelancongan itu akan membawa pendapatan kepada komuniti setempat (Ko & Stewart, 2002). Ini kerana, setiap faktor yang dititikberatkan ini mempunyai rantai unik kepada satu sama yang lain, pembangunan pelancongan yang hanya meletakkan fokus utama kepada faktor ekonomi tanpa mempertimbangkan kesan yang berlaku kepada komuniti akan menyebabkan aktiviti pelancongan tersebut menjadi tidak lestari.

ii. Konsep Komuniti Setempat

Komuniti setempat adalah merupakan subjek utama di dalam kajian sains sosial. Komuniti setempat merupakan sekumpulan komuniti manusia yang tinggal bersama-sama di suatu lokasi yang hidup aman damai walaupun mempunyai perbezaan bangsa, agama, dan amalan hidup seharian (Hamzah et al, 2004). Komuniti setempat adalah merupakan subjek utama di dalam kajian sains sosial sehingga ia mendapat pelbagai definisi penggunaan konsep ini dalam suatu penyelidikan yang dijalankan (Abdul Rahman, 2007). Namun menurut ahli sosiologi, komuniti merupakan satu unit organisasi sosial dimana terdapat manusia yang berada di kawasan kediamannya yang melakukan rutin harian aktiviti kehidupan mereka. Seseengah penyelidik menekankan bahawa tiga elemen penting yang wujud bagi komuniti iaitu Kawasan geografi, interaksi sosial, dan hubungan komuniti (Poplin, 1978).

iii. Konsep Pelancong dan Aktiviti Pelancongan

Mathieson & Wall (1982), menyatakan bahawa pelancongan melibatkan pergerakan sementara manusia kepada destinasi di luar tempat kerja biasa dan tempat tinggal. Pertubuhan Pelancongan Dunia atau World Tourism Organization (WTO) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang pergi atau tinggal di tempat-tempat yang di luar kebiasaan mereka untuk bercuti dengan tidak melebihi tempoh satu tahun. Seterusnya, menurut Siti Nurhayati dan Mujaldi (2002) yang menyatakan bahawa pelancongan adalah pengunjung sementara yang tinggal hanya satu hari di suatu tempat atau Negara yang dikunjunginya.

Ulasan Kajian Lepas: Impak Aktiviti Pelancongan Ke atas Komuniti Setempat

i. Impak ke atas aspek ekonomi

Pemeriksaan pembangunan pelancongan dengan melibatkan komuniti setempat dalam memperluaskan penglibatan mereka kini kian mendapat tempat di mata masyarakat. Hasil daripada itu, pembangunan ekonomi dalam kalangan masyarakat luar bandar dilihat semakin rancak dan ia turut mendapat pengiktirafan dari (Kementerian Pelancongan, 2014). Pengiktirafan ini diperoleh hasil daripada pembangunan *homestay* di kawasan yang berpotensi serta aktiviti ekopelancongan yang tidak kurang hebatnya. Perkara ini adalah termaktub secara jelas dalam Rancangan Malaysia ke-11 pada tahun 2018 (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2018) yang dapat dilihat penjelasannya pada teras yang keenam. Oleh sebab itu, aspek kesan atau turut dirujuk sebagai impak dalam kajian ini dilihat menjadi perkara yang mempunyai keutamaan untuk dititikberatkan terhadap aktiviti pelancongan yang dilaksanakan.

Jelasnya, apabila membincangkan tentang suatu impak pasti ia datang dalam dua cabang yang utama iaitu impaknya dari sudut positif mahupun negatif. Misalnya, sebuah negara membangun seperti Malaysia khususnya memiliki kepelbagaian keunikan tersendiri yang masih belum diterokai sepenuhnya. Pernyataan ini dapat disokong dengan kajian yang dilaksanakan oleh Harhamsah Hairal & Rosazman Hussin (2021), berkenaan potensi yang dimiliki oleh Pulau Gaya untuk dibangunkan keupayaannya sebagai salah satu sumber penjana pendapatan menerusi aktiviti *homestay* dengan melibatkan komuniti di Pulau Gaya sebagai peneraju. Perbincangan ini turut diperhalusi oleh Velan, (2019) yang mana menurutnya aktiviti *homestay* adalah merupakan salah satu strategi kerajaan dalam mempelbagaikan punca pendapatan masyarakat sekali gus menggalakkan pembangunan sosioekonomi kawasan yang terlibat. Perkaitannya adalah apabila wujudnya pelaksanaan bagi sesuatu pembangunan seperti aktiviti *homestay*, maka akan lebih banyak peluang pekerjaan dibuka untuk komuniti berdekatan dan setelah itu aliran wang di kawasan tersebut akan menjadi lebih tinggi seterusnya menyebabkan peningkatan pada hasil pendapatan mereka justeru turut pada negara. Sebagai contohnya, punca pendapatan yang turut dapat dihasilkan adalah menerusi jaringan perniagaan dan perusahaan yang terdiri dari pelbagai jenis sama ada produk makanan mahupun hasil kraf tangan masyarakat setempat. Ashworth (2002) secara menyeluruh menyokong pernyataan ini kerana menurutnya potensi penglibatan ahli komuniti mampu menyumbang kepada kesan positif aktiviti pelancongan yang membawa terbahagi kepada dua pecahan iaitu pembangunan ekonomi sama ada dalam ahli keluarga atau individu mahupun dalam kalangan komuniti itu sendiri. Perbincangan Ashworth diperkuat dengan hasil kajiannya yang memperlihatkan peratusan yang tinggi iaitu 67.33 peratus daripada 101 orang responden bersetuju untuk menyertai program *homestay* sebagai cara untuk memajukan kehidupan mereka.

Selanjutnya kupasan berkaitan isu ini turut dikembangkan lagi oleh Farah Husna Anwar, Mohammad Mujaheed Hassan & Azlina Mohd Khir pada tahun 2021 menerusi penulisannya yang bertajuk persepsi impak industri pelancongan terhadap kualiti hidup komuniti setempat di Batu Feringgi, Pulau Pinang. Hasil daripada perbincangan yang diketengahkan di dalam penulisan tersebut, fokus nya adalah berkisar tentang peranan aktiviti pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang utama kepada negara terutama melibatkan negara membangun seperti Malaysia. Hal ini kerana dengan adanya aktiviti pelancongan yang rancak ia secara tidak langsung mendorong untuk mempertingkatkan persaingan dalam perdagangan antarabangsa seterusnya menjadi pemangkin untuk meluaskan pasaran produk-produk keluaran tempatan kepada pihak luar seperti produk pertanian dan kraf tangan dan yang lainnya. Kesannya, peluang pekerjaan akan terbuka dengan lebih luas dengan galakkan kemasukan wang ke dalam ekonomi negara yang mana sebenarnya agak sukar dicapai menerusi strategi pembangunan yang lain.

Seterusnya, persepsi komuniti juga merupakan elemen penting bagi mengekalkan pelaksanaan pembangunan pelancongan yang berasaskan komuniti. Perkara ini, disokong oleh Afandi (2014) yang mengkaji tentang “*Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods in Batu (East Java, Indonesia)*”. Kajian ini mendapati bahawa pelancongan dapat mewujudkan peluang pekerjaan baru, meningkatkan kualiti infrastruktur (jalan raya, air, elektrik dan pengangkutan awam), meningkatkan fenomena sosial dalam kalangan penduduk tempatan dan pembangunan pelancongan turut berkeupayaan untuk menyedarkan komuniti bahawa mereka sewajarnya terlibat dan mengambil bahagian dalam pengurusan pelancongan untuk menjana pendapatan. Selain itu, persepsi yang positif juga dapat membantu ahli komuniti meningkatkan taraf ekonomi melalui persaingan sihat dalam sektor perniagaan dan perusahaan, taraf sosial yang lebih baik serta budaya boleh dijadikan produk pelancongan atau tarikan pelancongan (Mohd Salleh et al., 2012; Rosazman & Velan, 2014). Pembangunan pelancongan ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat seperti menjual hasil produk tempatan, menjadi pengusaha penginapan serta pengangkutan. Dengan ini tujuan sebenar yang digalas pada pembangunan ekonomi akan dapat dicapai dengan lebih baik, kerana pembangunan ekonomi secara jelasnya membawa maksud sebagai pembangunan yang dapat mencipta peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan atau komuniti tempatan mencipta perniagaan berasaskan pelancongan. Pembangunan yang dapat mencipta peluang pekerjaan dan mencipta perniagaan berasaskan pelancongan ini akan menyumbangkan kepada kualiti hidup komuniti yang lebih baik. Oleh itu, pembangunan industri pelancongan haruslah menitikberatkan aspek kehidupan komuniti setempat dalam memastikan setiap individu mendapat manfaat dari pembangunan yang dijalankan. Pembangunan yang dilakukan juga perlulah seimbang dari semua aspek bagi mencapai pembangunan komuniti dan pelancongan yang lestari dan berkualiti. Perancangan pertumbuhan dan pembangunan

industri pelancongan perlu dirancang dengan mengambil kira perspektif kepentingan komuniti agar setiap pembangunan yang dibuat dapat meningkatkan pendapatan, menjana peluang pekerjaan baru dan menambah pelbagai kemudahan asas untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat.

Sementara itu, sebelum membangunkan suatu aset sebagai kawasan tarikan pelancong pihak yang terbabit seperti pengusaha itu sendiri sewajarnya mengenal pasti terlebih dahulu potensi kawasan tersebut dari segenap sudut. Tindakan ini berkepentingan bagi mengurangkan peratusan kesilapan dalam percaturan pembangunan kawasan pelancongan. Isu ini dapat dilihat perkaitannya dengan melihat kepada kajian yang dijalankan oleh Nor Syafawani Nordin & Habibah Ahmad (2020) bertajuk pemetaan aset dan penglibatan komuniti dalam pelancongan di Kilim dan Makan Mahsuri, Pulau Langkawi. Dalam kajian ini, penulis mendapat bahawa sektor pelancongan telah mengalami pertumbuhan yang berterusan dan menjadi salah satu sektor ekonomi yang paling berkembang pesat pada masa kini. Aset yang berpotensi dijadikan tarikan pelancongan merupakan elemen penting dalam industri pelancongan. Perbincangan ini turut disokong oleh Harifah Mohd Noor *et al.* (2015) yang menyatakan bahawa lawatan ulangan adalah penting dalam bidang perancangan dan pemasaran pelancongan serta menyumbang kepada pendapatan ekonomi sesebuah negara. Pelancongan ulangan juga digunakan sebagai 'petunjuk' untuk mengenal pasti ciri tarikan yang mendorong seseorang pelancong untuk berkunjung ke sesuatu destinasi. Dengan ini, penduduk setempat mendapat peluang pekerjaan, menjual hasil produk tempatan dan mengusahakan perusahaan lain yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan seperti menjadi pengusaha penginapan dan pengangkutan yang mana ia secara tidak langsung membantu komuniti di kawasan tersebut untuk memperbaiki taraf hidup dan kedudukan ekonomi mereka melalui keterlibatan dalam pelancongan. Kesannya, penglibatan komuniti lokal secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan pelancongan di sesebuah kawasan memperlihatkan impak yang positif iaitu meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat dan memberi kesan terhadap sosioekonomi mereka sekali gus menawarkan bekalan sumber manusia bagi memenuhi keperluan dalam pembangunan pelancongan seperti pemandu pelancong. Hasil daripada itu, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kemiskinan serta kualiti hidup yang lebih baik.

ii. Impak ke atas aspek sosial

Impak aktiviti pelancongan terhadap sosial di sesuatu kawasan juga banyak mempengaruhi perkembangan penglibatan dan kejayaan sesuatu program pelancongan. hal ini kerana, industri pelancongan bukan sahaja menumpukan terhadap meningkatkan sumber ekonomi malah ia juga mewujudkan jaringan sosial yang baik antara pengusaha

dan pihak pemaju. Dalam kajian Farah Husna Anwar et. Al. (2021), yang mengkaji berkenaan persepsi komuniti terhadap impak industri pelancongan kepada kualiti hidup komuniti di Batu Feringhi, Pulau Pinang. Kajian ini, cuba melihat bagaimana ahli komuniti mampu untuk menghadapi cabaran dalam membangunkan program pelancongan, di samping membangunkan keyakinan diri ahli-ahli komuniti melalui pengiktirafan yang diberikan oleh orang luar tentang keunikan nilai budaya mereka, sumber alam sekitar dan pengetahuan tradisi. Ini menyebabkan mereka mencari jalan untuk memajukan diri melalui pelbagai cara seperti mengikuti kursus bahasa asing dan latihan keusahawanan. Perkara ini, menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan memberikan impak yang positif. Dari segi, pembangunan sosial budaya pula ialah pembangunan yang membawa kepada kesejahteraan dan kualiti kehidupan lebih baik kepada komuniti tempatan. Hal ini kerana, impak sektor pelancongan mempengaruhi terhadap kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk telah banyak dibincangkan oleh pengkaji sama ada di negara maju, negara sedang membangun ataupun di sesebuah destinasi terkemuka (Andereck et al., 2007; Yu et al., 2011). Oleh hal demikian, Pembangunan industri pelancongan haruslah menitikberatkan aspek kehidupan komuniti setempat dalam memastikan setiap individu mendapat manfaat dari pembangunan yang dijalankan. Pembangunan yang dilakukan juga perlulah seimbang dari semua aspek bagi mencapai pembangunan komuniti dan pelancongan yang lestari dan berkualiti. Justeru itu, Perancangan pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan perlu dirancang dengan mengambil kira perspektif kepentingan komuniti agar setiap pembangunan yang dibuat dapat meningkatkan pendapatan, menjana peluang pekerjaan baru dan menambah pelbagai kemudahan asas untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat. Selain itu, penglibatan dan penyertaan aktif komuniti setempat dalam pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan juga perlu diterapkan.

Selain itu, satu kajian yang mengkaji secara berfokus iaitu melihat kepada kesan sosial juga dilakukan oleh Safura Ismail pada tahun 2015 yang bertajuk 'Kesan Sosial Pembangunan Pelancongan pada Masyarakat Tempatan di Mukim Kedawang, Pulau Langkawi'. Kajian menerangkan sebelum tahun 1987, majoriti penduduk Pulau Langkawi mengusahakan pertanian dan sektor perikanan (Azizan, 2008) dan pengisytiharan pulau bebas cukai pada tahun 1987 tidak hanya memajukan perkembangan industri pelancongan, tetapi juga sangat berubah corak sosioekonomi dan sebagai balasannya, menjadikan pulau ini menjadi destinasi popular. Menurut Omar et. al (2013), prestasi destinasi pelancongan sering dinilai berdasarkan jumlah kedatangan pelancong. Pada masa ini, Pulau Langkawi dianggap sebagai destinasi yang paling banyak dikunjungi oleh tempatan dan juga pelancong antarabangsa. Dapatan kajian mendapati tanggapan masyarakat mengenai impak sosial yang positif ialah meningkatkan kemahiran bahasa asing, meningkatkan kecekapan infrastruktur, memberi peluang pekerjaan kepada wanita, meningkatkan pendapatan isi rumah dan peningkatan infrastruktur serta kemudahan awam. Tenaga buruh wanita banyak digunakan dalam sektor pelancongan penginapan bagi memaksimumkan kebersihan

penginapan tersebut bagi tujuan kepuasan pelancong. Seterusnya dengan tidak langsung telah membantu dalam meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa asing dalam kalangan pekerja di kawasan tersebut. Namun, tidak dinafikan pembangunan pelancongan yang diusahakan turut memberi impak negatif kepada komuniti setempat di destinasi pelancongan terbabit seperti nilai budaya yang semakin berkurangan. Kesan negatif pelancongan yang dapat dilihat ialah gejala minum minuman keras dalam kalangan remaja ialah perkara biasa dan minuman keras senang diperolehi dan penerapan negatif dari budaya barat menjadi ikutan. Namun hasil keseluruhan kajian tersebut mendapati bahawa kesan positif pembangunan pelancongan adalah lebih besar.

iii. Impak ke atas aspek budaya dan alam sekitar

Menurut kajian yang dilakukan oleh Kim et al.(2013), aktiviti pelancongan dapat membantu komuniti terlibat seperti di Virginia untuk mengekalkan budaya hidup. Mereka juga merasakan dengan adanya pelancongan, ia dapat mengekalkan seni tradisional. Dengan kata lain, pelancongan dapat mengekalkan identiti budaya dan kepercayaan kepada generasi akan datang. Hasil kajian daripada Rosniza Aznie Che et. Al. (2018) yang bertajuk 'Kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan homestay di Daerah Temerloh' dengan berusaha mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengurusan kebersihan di kawasan perkampungan homestay dengan menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik dan temubual bersama pengusaha aktiviti pelancongan di kawasan kajian, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa faedah daripada program homestay kepada komuniti ialah pemerksaan dalam budaya Malaysia dan pengurusan kebersihan sebagai pengantara utama dapat dipromosikan dan dibangunkan secara lestari kerana pendapatan mengalir ke tangan komuniti itu sendiri dan pengetahuan ahli komuniti itu sendiri mengenai sumber warisan kepunyaan mereka meningkat. Aktiviti pelancongan yang berlangsung dengan banyak penglibatan komuniti setempat membantu pertukaran budaya untuk berlaku dan membolehkan komuniti mendapat pengetahuan serta pengalaman daripada pengunjung yang datang ke kawasan aktiviti pelancongan tersebut (Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon, 2021).

Kini, pelbagai program pelancongan giat dilaksanakan dan dijadikan sebagai suatu alat pembangunan komuniti luar bandar khususnya dalam program *homestay*. Bagi menggalakkan dan mencapai pembangunan yang berkesan khususnya terhadap komuniti, mereka seharusnya diberikan peluang dan latihan yang secukupnya dalam bidang yang diceburi agar mereka mampu untuk bersaing sekali gus meningkatkan pendapatan individu seterusnya negara. Justeru itu, kajian Velan Kunjuraman (2019) berkenaan syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program *homestay* di Malaysia dilakukan telah dilakukan olehnya. Tujuan penelitiannya adalah berkepentingan buat industri pelancongan untuk mengenal pasti atau menambah baik polisi sedia ada berkaitan program *homestay* di Malaysia khususnya. Hasil

perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan, terdapat beberapa aktiviti yang menjadi tarikan pelancong iaitu meliputi beberapa aspek seperti budaya dan gaya hidup; aktiviti ekonomi; rekreasi dan pemuliharaan alam sekitar.


Kajian oleh Raihan Anas et. al. (2018) bertajuk, “Penyertaan komuniti dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah”. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kutip data kualitatif iaitu temu bual mendalam dan pemerhatian di lapangan. Fokus kajian ini, adalah meneliti tahap penyertaan ahli komuniti setempat dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana gempa bumi di Kampung Mesilou yang terletak di pinggir Gunung Kinabalu, Kundasang, Sabah. Hasil kajian ini, mendapati bahawa produk yang pelbagai adalah penting untuk menarik pelancong ke sesebuah destinasi antaranya adalah keindahan alam semula jadi dan keunikan sesebuah budaya. Hal ini kerana, keunikan dan kelainan sesuatu lokasi mampu menarik pelancong luar dan dalam negara untuk berkunjung. Oleh hal ini, menjadikan Sabah tumpuan pelancongan antarabangsa dan tempatan disebabkan oleh keistimewaan persekitaran semula jadi dan keunikan serta tarikan tersendiri antaranya Gunung Kinabalu. Gunung Kinabalu merupakan ikon utama tarikan pelancong di Sabah yang mempunyai ketinggian 4,095 meter. Gunung ini diiktiraf sebagai gunung kelima tertinggi di Asia serta tapak warisan dunia oleh UNESCO pada Disember tahun 2000 dalam kategori warisan semula jadi (KEPKAS, 2015). Justeru itu, Kerjasama antara ahli komuniti dan pemegang taruh secara berstrategi serta bersepadu dalam program pemulihan pelancongan berasaskan alam sekitar perlu dilaksanakan secara lestari, seperti program pemulihan pasca bencana gempa bumi di Kundasang Sabah yang secara lestari pemulihan kawasan dan menghidupkan semula aktiviti pelancongan berasaskan komuniti yang lestari.

Selain itu, kajian ‘Kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan *homestay* di Daerah Temerloh’, oleh Rosniza Aznie Che Rose, Zainor Nizam Zainal Abidin dan Rosmiza M.Z (2018). Kajian ini mengenal pasti tahap kesedaran komuniti setempat terhadap pengurusan kebersihan di kawasan perkampungan *homestay* di daerah Temerloh. Kesedaran komuniti adalah penting dalam menjaga dan mengekalkan kebersihan alam sekitar oleh itu sebelum melaksanakan program pembersihan sesuatu kawasan, perlunya program kesedaran terlebih dahulu supaya matlamat dapat dicapai. Justeru itu, dalam mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik dan temu bual bersama pengusaha *homestay* dan penduduk kampung. Hasil kajian menunjukkan program *homestay* di kedua-dua kampung di kawasan kajian perlunya perhatian dan sokongan dari pihak bertanggungjawab mahupun ahli komuniti yang baik dalam membangunkan sebuah program pelancongan *homestay* bersih. Oleh hal ini, kebersihan dan keceriaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan sesebuah aktiviti pelancongan itu berjaya sekali gus dapat menaikkan imej pelancongan negara Malaysia. Ini kerana, perhatian daripada pihak sewajarnya bagi memastikan

program ini terus kompetitif sekali gus menepati objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sangatlah penting.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan utama kajian ini adalah kualitatif. Hal ini kerana impak aktiviti pelancongan terhadap komuniti akan disukat melalui kaedah temubual. Dalam kajian ini, kumpulan penyelidik memilih tajuk kajian iaitu *Impak Aktiviti Pelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah*. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti 'trend' aktiviti pelancongan berkembang di Tanjung Simpang Mengayau. Selain itu, penyelidik juga ingin mengetahui impak aktiviti pelancongan terhadap komuniti dari aspek ekonomi, 68awasa dan budaya di Tanjung Simpang Mengayau. Penyelidik juga ingin menilai pengurusan impak aktiviti pelancongan oleh komuniti setempat untuk kelestarian aktiviti pelancongan di Kawasan Simpang Mengayau, Kudat, Sabah. Lihat Gambar Rajah 2 berikut tentang aliran proses kajian ini.



ambar Rajah 2: Aliran Proses Kajian

Sampel Bertujuan

Jenis persampelan utama kajian ini adalah sampel berjuan (*purposive sampling*). Dalam kajian ini, seramai 34 informan yang terpilih dan terlibat dalam sesi temubual separa berstruktur adalah berasal dari dua buah Kampung berhampiran dengan 70 awasan kajian, Kampung Tiga Papan dan Kampung Marang Parang. Informan yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Bil	Katogori Informan	Jumlah
1.	Ketua Kampung Kampung Tiga Papan	1
2.	Ketua Kampung Kampung Marang Parang	1
3.	Ketua Isi Rumah/Wakil Kampung Marang Parang	15
4	Ketua Isi Rumah/Wakil Kampung Tiga Papan	15
5.	Pegawai Taman-Taman Sabah (TTS)	1
6.	Pembantu Pegawai Pembangunan (Pelancongan) di Pejabat Daerah Kudat	1

Jadual 1: Senarai informan yang terlibat dalam sesi temubual.

Fasa 1 Kutipan Data

Fasa 1 kutipan data adalah melalui sesi temubual dengan informan di lokasi kajian telah dilakukan pada bulan Mac hingga September 2020. Seramai 20 informan telah berjaya ditemubual dalam tempoh ini.

Fasa 2 Kutipan Data

Fasa ke 2 kutipan data adalah pada bulan Mei hingga Oktober 2021. Seramai 14 orang Informan telah berjaya di temubual dalam tempoh ini. Jumlah keseluruhan informan adalah 34 orang.

Fasa 3 Kutipan Data

Fasa ke 3 kutipan data adalah pada bulan Februari hingga Mac 2022. Data yang menyelidik fokuskan adalah data pemerhatian pasca Covid 19. Ini kerana jumlah Informan telah mencapai sasaran kajian dalam fasa sebelum ini.

PERBINCANGAN PENEMUAN KAJIAN

Perbincangan dalam seksyen ini membincangkan lokasi dan profil informan serta memahami latar belakang dan landskap Tanjung Simpang Mengayau. Nama sebenar informan yang terlibat dalam sesi temubual dinamakan semula dengan nama samaran seperti Informan 1, Informan 2 dan seterusnya bagi mewakili semua informan seperti yang telah dipersetujui antara penyelidik dan informan sebelum proses pengumpulan data dijalankan.

A. Latar Belakang Informan

Hasil daripada kutipan data yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020, 2021 dan 2022, penyelidik berjaya mengutip data yang diperlukan untuk menyiapkan kajian ini dimana seramai 34 informan terlibat yang mana 15 orang merupakan penduduk kampung Tiga Papan, 15 orang lagi penduduk kampung Parang Marang, dua orang ketua kampung yang mana seorang merupakan ketua kampung Tiga Papan dan seorang lagi ketua kampung Parang Marang, Seorang Pegawai Taman-Taman Sabah dan seorang lagi merupakan wakil kepada Pegawai Daerah Kudat bahagian pembangunan (pelancongan) daerah Kudat.

Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa tahap minimum umur informan dalam kajian ini adalah berumur 20 tahun ke atas. Informan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 15 orang perempuan dan juga 19 orang lelaki. Dari aspek pengalaman bekerja pula, terdapat segelintir informan merupakan bekas pekerja kerajaan dan swasta, pengusaha. Terdapat juga informan dalam perancangan untuk mengusahakan aktiviti pelancongan. Namun ada juga segelintir informan yang tidak terlibat dengan aktiviti pelancongan hanya sebagai suri rumah, petani dan nelayan sepenuh masa sahaja.

B. 'Trend' perkembangan aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau.

I. Aktiviti Penginapan Pelancongan Berkembang

Tahun 2004 merupakan titik permulaan wujudnya aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah. Salah seorang ahli komuniti yang berasal dari Kampung Tiga Papan telah diamanahkan untuk menjaga kafe yang disediakan pihak berkuasa pada masa tersebut. Pihak berkuasa telah bersetuju untuk memberi mandat untuk komuniti tempatan menjaga dan mengusahakan kawasan aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau. Namun, pada masa tersebut aktiviti

pelancongan di Kawasan ini masih dalam keadaan jauh ketinggalan dimana bekalan air paip, jaringan telekomunikasi dan bekalan elektrik masih tidak ada. Atas alasan keperluan bekalan air serta keperluan kafeteria yang mendesak bagi menjalankan aktiviti pelancongan pada ketika itu, pengusaha yang merupakan penduduk Kampung Tiga Papan tersebut terpaksa mengangkut air dari loji air Kudat sejauh 25KM dari kawasan Simpang Mengayau. Mereka juga menggunakan kemudahan alat ‘generator’ untuk bekalan elektrik bagi mengusahakan kafeteria tersebut. Ketua Kampung Marang Parang menegaskan akan situasi ini seperti berikut:

“Mula-mula dulu masa baru Simpang Mengayau dirasmikan, aktiviti pelancongan disini selain daripada keindahan alam semulajadi macam sunset sama pantai yang bersih, ada kafe yang disediakan oleh pihak kerajaan pada masa itu...dan founder kepada simpang mengayau ini memang telah memilih satu orang kampung yang dari Kampung Tiga Papan iaitu Encik Kadai yang sehingga sekarang masih kekal sebagai pemilik pengusaha kepada kafe yang sekarang sudah berkembang dengan menyediakan pula chalet dan kedai kraftangan. Tapi dulu di sini kampung ini mana ada karan dan air paip termasuk lah di hujung tempat Simpang Mengayau. Jadi terpaksa lah dia orang guna lori dengan dua tangki biru besar ambil air sana loji air jauh juga dalam 25KM... jadi setiap hari jam5 pagi sudah nampak lori limpas rumah angkat air ke sana, sebab kalau tidak dia orang buat begitu tidak dapat lah masak minum-minum panas”.

(Ketua Kampung Marang Parang, Mac, 2020)

Seterusnya, pengusaha yang berasal dari Kampung Tiga Papan ini menjalankan aktiviti perniagaan yang menawarkan perkhidmatan penyediaan makanan telah memberi peluang kepada komuniti dari Kampung Marang Parang untuk menjadi tenaga kerja bersama-sama pengusaha tersebut untuk menjalankan aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau. Kedua buah Kampung ini telah terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan sejak bermulanya aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau. Selain daripada memberi peluang pekerjaan kepada ahli komuniti sekitar Kawasan ini. Pengusaha pertama yang menjalankan aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau ini juga telah membantu masyarakat di kedua-dua buah kampung ini dengan membeli hasil kraftangan penduduk Kampung dan dijual kepada pengunjung. Pengusaha ini juga menggunakan perkhidmatan anak muda yang berminat untuk menjana pendapatan dengan membeli buah kelapa secara pukal daripada mereka.

“... dia tolong orang kampung dengan beli itu manik-manik, anyaman makcik-makcik sini kampung, dia jual di kedai kraftangan dia. Kadang-kadang dia panggil itu orang muda-muda panjat kelapa dia beli lah itu

kelapa 70sen 1 biji. Jadi anak-anak muda yang lelaki ada juga duit sikit-sikit... ”.

(Ketua Kampung Tiga Papan, Mac, 2020)

Seterusnya, aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau mula berkembang dari tahun 2004 sehingga kini dengan kemasukan pelabur luar dan juga idea-idea bernas yang dibawa masuk oleh pengusaha tempatan. Pengusaha-pengusaha ini menawarkan tempat penginapan pelancong, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman, sukan air dan juga usaha penjagaan alam semulajadi yang menjadi daya tarikan utama pengunjung di kawasan pelancongan Tanjung Simpang Mengayau.

Aktiviti pelancongan utama yang paling banyak terdapat di Tanjung Simpang Mengayau adalah aktiviti pelancongan penginapan. Dimana terdapat sebanyak sepuluh (10) penginapan pelancongan yang terdapat di Tanjung Simpang Mengayau. Berikut adalah Jadual 2 yang menerangkan tentang ‘trend’ perkembangan aktiviti pelancongan penginapan di Tanjung Simpang Mengayau.

Jadual 2: Senarai Aktiviti Pelancongan Penginapan di Tanjung Simpang Mengayau
Dari Tahun 2006 hingga Oktober, 2022

BIL.	NAMA TEMPAT	TAHUN DITUBUHKAN	PEMILIK/PENGUSAHA
1.	Simpang Mengayau Chalet	2006	Pengusaha Tempatan
2.	BorneoTip Beach Lodge	2008	Pengusaha Tempatan
3.	Tampat Do Aman	2010	Pelabur Asing
4.	Merrimas Villa	2012	Gabungan Pelabur Asing dan Pengusaha Tempatan
5.	Tommy’s Place	2014	Pelabur Asing
6.	Blue Fin -Surf & Dive	2017	Gabungan Pelabur Asing dan Pengusaha Tempatan
7.	Kotak-Kotak	2018	Gabungan Pelabur Asing dan Pengusaha Tempatan
8.	Sompuruan Homestay	2019	Pengusaha Tempatan
9.	Chalet Nom Kamil	2019	Pengusaha Tempatan
10.	Tumomvuboi Homestay	2021	Pengusaha Tempatan

Sumber: Kerja Lapangan, Oktober, 2022.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pada tahun 2006 aktiviti pelancongan penginapan dihasilkan atas permintaan pengunjung yang ramai pada ketika itu.

Pengusaha penginapan pelancongan tersebut merupakan penduduk Kampung Tiga Papan yang telah diberi kepercayaan untuk mengusahakan kafetaria yang disediakan pihak berkuasa pada tahun 2004. Beliau menambah aktiviti pelancongan kafetaria kepada penginapan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau dengan membina sebanyak 4 buah ‘*chalet*’ berkonsepkan binaan ‘*Kampung*’ bagi memenuhi kehendak pengunjung pada ketika itu. Ini kerana pada ketika itu jumlah bilangan hotel di Daerah Kudat sangat terhad dan tidak mampu menampung jumlah pengunjung yang datang ke Daerah Kudat serta jarak pusat bandar Kudat yang agak jauh (30 KM) dari lokasi pelancongan Simpang Mengayau tersebut.

“...dulu banyak orang minta buat hotel atau rumah-rumah kampung untuk dia orang bermalam di sini sebab teringin mahu tengok macam mana pemandangan di sini bila waktu malam...sebab sini dulu mana ada elektrik...lampu jalan semua ini tiada...memang gelap...tapi keindahan malam tu memang terbaik”.

(Informan Ke-30, Oktober, 2021)

Seterusnya, menurut Informan Ke-13, beliau menyatakan pada awal tahun 2007 terdapat seorang pelabur tempatan yang berasal daripada Kuala Lumpur telah datang berkunjung ke Tanjung Simpang Mengayau. Beliau melihat adanya potensi kawasan pelancongan ini untuk dimajukan. Setelah berjaya mendapatkan tempat dan keizinan mendirikan penginapan, pelabur tersebut mula membawa rakan pelabur yang lain daripada luar negara untuk sama-sama membangunkan penginapan dan aktiviti pelancongan dikawasan pelancongan ini.

II. Aktiviti Pelancongan (Sukan Air)

Selain daripada berkembangnya penginapan pelancongan di Kawasan Tanjung Simpang Mengayau ini, kajian ini mendapati bahawa pengusaha-pengusaha pelancongan juga berusaha untuk menawarkan perkhidmatan dan aktiviti lain. Ini untuk memasti tarikan pelancong untuk datang berkunjung. Aktiviti pelancong baru diwujudkan untuk mengelakkan Tanjung Simpang Mengayau menjadi satu kawasan pelancongan yang ‘tepu’ atau bosan jika hanya menawarkan aktiviti pelancongan penginapan dan keindahan alam semulajadi sahaja. Oleh itu, para pengusaha pelancongan berusaha untuk mewujudkan aktiviti pelancongan baru seperti aktiviti sukan air demi menarik perhatian pengunjung untuk datang ke Tanjung Simpang Mengayau terutama dalam tempoh fasa endemik ini.

Aktiviti sukan air mula diperkenalkan kepada para pengunjung pada hujung tahun 2017. Pada mulanya aktiviti sukan air ini hanya dibuka kepada pelatih-pelatih perenang yang mahir dan yang membuka kelas untuk belajar ‘*Surfing*’ dan ‘*Diving*’

sahaja. Pada ketika itu terdapat permintaan daripada pengunjung yang datang agar para pengusaha menawarkan perkhidmatan sukan air. Ini kerana keadaan laut di Tanjung Simpang Mengayau belum tercemar seperti kawasan laut pusat pelancongan yang lain. Dua jenis sukan air yang pertama diperkenalkan adalah ‘*surfing*’ dan ‘*snorkelling*’. Kebanyakan pelancong yang mengikuti aktiviti sukan air ini adalah pengunjung dari luar negara. Seterusnya, apabila pengusaha pelancongan semakin bertambah dan pelabur luar juga mula terlibat maka aktiviti sukan air semakin berkembang di kawasan pelancongan Tanjung Simpang Mengayau (Lihat Jadual 3).

Jadual 3: Senarai Jenis Aktiviti Pelancongan Sukan Air
 di Tanjung Simpang Mengayau.

Bil.	Jenis Sukan Air	Harga	Tahun (Mula Diperkenalkan)
1.	‘Surfing’	RM180.00 (1 PAX)	2017
2.	‘Snorkelling’	RM120.00 (1 PAX)	2017
3.	‘Diving’	RM250.00 (1 TANK)	2018
4.	‘River cruise’	RM100.00 (2 JAM)	
5.	Memancing	RM60.00 (2 JAM)	
6.	‘Menuhur’	RM10.00 (BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG)	
7.	Kayak	RM80.00 (1 PAX)	
8.	‘Parasailing’	RM120.00 (1 PAX)	
9.	‘Banana Boat’	RM80.00 (1 PAX)	
10.	‘Kitesurf’	Pekerja sedang dalam kursus Latihan	2022

Sumber: Kerja lapangan, Oktober 2022.

Berdasarkan Jadual 3 diatas, dapat dilihat perkembangan aktiviti pelancongan sukan air di Tanjung Simpang Mengayau sangat pesat membangun. Bermula dengan dua (2) sahaja aktiviti pelancongan sukan air (*surfing dan snorkelling*) pada tahun 2017, dalam masa singkat sahaja berkembang menjadi sembilan (9) aktiviti pelancongan sukan air yang ditawarkan kepada para pengunjung (Informan Ke-27, 2021). Namun, fasa pandemik dua tahun berturut (tahun 2020-2021) telah memberi impak negatif kepada aktiviti pelancongan sukan air. Sesetengah aktiviti sukan air ini tidak lagi ditawarkan kepada pengunjung disebabkan pekerja yang mahir mengendalikan aktiviti tersebut telah pulang ke Kampung mereka. Tambahan lagi keadaan fasiliti seperti bot

yang digunakan tidak berfungsi dengan baik kerana telah terbiar tanpa selenggara pada jangka masa yang lama.

“...selepas lama tutup sebab Covid 19 hari tu... bot dia orang tidak boleh hidup sebab kena kasi biar saja selepas semua balik ke kampung masing-masing... dan pada masa tu pihak berkuasa selalu ronda memang tidak boleh buat apa-apa kerja sebab takutkan penyakit tu... dan juga nanti disaman oleh pihak berkuasa. Tapi sekarang dia orang perlahan-lahan kasi baik untuk mula balik aktiviti macam dulu... buat acara pertandingan sukan air sini”.

Pegawai Pelancongan Taman-Taman Sabah, Mei, 2021

Dalam aspek kadar bayaran yang dikenakan ke atas pengunjung, informan kajian ini memaklumkan bahawa tidak kira sama ada pengunjung dari luar negara mahu pun pengunjung dari dalam negara, kadar bayarannya adalah sama. Hal ini juga boleh menjadi salah satu tarikan bagi pengunjung dari luar negara untuk berkunjung ke Tajung Simpang Mengayau kerana merasakan tiada diskriminasi dalam kadar bayaran antara pengunjung iaitu sesuai mengikut jenis perkhidmatan dan aktiviti pelancong yang mereka perolehi dan ikuti. Menurut informan kajian ini, tahap permintaan terhadap aktiviti-aktiviti pelancongan sukan air adalah pada tahap yang sangat tinggi pada masa kini. Namun, bagi kebanyakan pengunjung dalam negeri ramai di antara meminta agar aktiviti dipelbagaikan pada tahap harga yang rendah, misalnya bermula pada kadar seperti RM30/per aktiviti. Pihak pengusaha pelancongan memberikan reaksi positif terhadap permintaan ini dan bercadang untuk menganjurkan aktiviti pelancongan yang baharu pada tahap harga yang rendah bagi memenuhi permintaan pelanggan agar mampu menarik pelancong lebih ramai pada masa terdekat ini (Informan Ke-30, Oktober, 2021).

C. Impak Aktiviti Pelancongan terhadap Komuniti dari aspek Ekonomi, Sosial dan Budaya

Sektor pelancongan yang telah dibuka di kawasan Tanjung Simpang Mengayau banyak memberi kesan positif berbanding kesan negative kepada komuniti setempat di kawasan pelancongan ini. Dalam bab ini, penyelidik akan pecahkan kepada tiga aspek bagi menilai kesan tersebut yang diterima oleh ahli komuniti setempat dari aspek ekonomi, sosial dan budaya.

i. Aspek Ekonomi

Aktiviti pelancongan yang berlaku di kawasan Tanjung Simpang Mengayau telah memberi manfaat ekonomi kepada komuniti sekitar dan kampung berhampiran

Tanjung Simpang Mengayau, Kudat. Kebanyakan ahli komuniti setempat ini berjaya melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan yang diusahakan tersebut (Penolong Pegawai Pembangunan Pelancongan Daerah, Kudat, Mei, 2021). Berikut merupakan impak positif yang diterima oleh komuniti setempat di kawasan kajian hasil daripada temubual bersama informan dalam kajian ini.



Rajah 3: Impak Aktiviti Pelancongan dari aspek Ekonomi.
Sumber: Kerja lapangan, Oktober, 2022.

Hasil kajian menunjukkan juga bahawa sepanjang kewujudan aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau banyak memberi impak positif kepada komuniti berhampiran. Pendapatan ahli komuniti meningkat disebabkan pendapatan daripada kedatangan pengunjung dari luar yang membolehkan mereka untuk menjual hasil tanaman, hasil nelayan, hasil anyaman dan membantu komuniti sekitar untuk berkeyakinan dalam mengusahakan kedai runcit kecil-kecilan yang menjual keperluan asas kepada pengunjung serta ahli komuniti daripada kampung-kampung yang berhampiran. Informan ke 29 menjelaskan perkara ini:

“Ramai penduduk kampung dari sepanjang perjalanan masuk ke Tanjung Simpang Mengayau ini buka kedai runcit, t buka pondok-pondok kecil untuk berjualan hasil tanaman mereka macam sayur-sayur, benih bunga...kalau yang nelayan ada hasil lebih dapat jual kepada pelancong yang datang kadang-kadang melakukan BBQ di pantai sama keluarga”.

(Informan Ke-29, Mei, 2021)

Selain daripada berniaga, kewujudan aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau juga telah berjaya membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Kebanyakan komuniti setempat ini terlibat dengan aktiviti pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau bekerja sebagai penjaga kebersihan di tempat penginapan, pemandu bas pelancong, pekerja di restoran dan pemandu arah bagi aktiviti sukan air. Keperluan tenaga kerja ini daripada komuniti setempat telah memberikan peluang kepada komuniti sekitar untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran local yang mereka ada. Misalnya, pemandu arah bagi aktiviti sukan air, komuniti setempat adalah lebih mahir berkenaan keadaan laut di kawasan Tanjung Simpang Mengayau kerana umumnya kegiatan komuniti di sekitar kawasan ini adalah sebagai nelayan. Informan ke 24 memaklumkan hal ini seperti berikut:

“...kebanyakan yang bawa pelancong turun laut macam snorkeling diving pigi pulau dan cari spot untuk memancing semua tu orang kampung sini sebab dorang memang nelayan kan dan tau kawasan mana yang bahaya kawasan mana yang selamat untuk pigi mandi, kawasan mana yang banyak ikan begitu”

(Informan Ke-24, Mei 2021)

Selain daripada itu, kewujudan pusat pelancongan yang telah memberi impak positif kepada komuniti kampung yang berhampiran dengan Tanjung Simpang Mengayau. Permintaan dan aduan tentang keperluan asas seperti kemudahan infrastruktur semakin meningkat. Kemudahan infrastruktur seperti kemudahan jalan raya berturap, kemudahan bekalan air paip serta kemudahan bekalan elektrik di sekitar kampung Tanjung Simpang Mengayau telah disediakan oleh pihak berkuasa dan keadaan ini banyak membantu ahli komuniti setempat untuk meneruskan aktiviti harian tanpa kekangan seperti sebelum ini.

“...Sebelum ini mama saya awal pagi lagi sudah bangun buat kuih semua untuk dijual disekolah rendah Tiga Papan... walaupun jarak sekolah tidak jauh tapi terpaksa bangun awal sebab dulu kalau jam 6.00 pm semua pasang pelita... gelap sudah... tiada orang mau tolong lagi angkat air dari perigi untuk masak apa-apa...tapi sekarang syukur lah... lepas buka itu Simpang Mengayau kami pun dapat juga la rasa air paip sama karan... bikin senang kerja”.

(Informan Ke-8, Jun 2020)

Namun, disebabkan penularan pandemik Covid-19 melanda seluruh negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan bagi membendung penularan penyakit Covid-19, komuniti setempat juga mengalami impak negatif dari aspek ekonomi. Dimana ketiadaan pengunjung ke Tanjung Simpang Mengayau telah menyebabkan segelintir masyarakat berhampiran kawasan aktiviti pelancongan kehilangan punca pendapatan. Misalnya, komuniti yang berniaga secara penjaja runcit terpaksa menutup perniagaan mereka, kehilangan pekerjaan, hasil anyaman kraftangan

tidak dapat dijual, para nelayan kehilangan pendapatan. Pandemi Covid 19 dan PKP merupakan impak negatif paling ketara ke atas aspek ekonomi pengusaha pelancongan dan ahli komuniti setempat di Tanjung Simpang Mengayau terutama dalam tempoh tahun 2020 hingga 2021.

ii. Aspek Sosial

Seterusnya, aktiviti pelancongan yang wujud di pusat pelancongan Tanjung Simpang Mengayau juga telah memberi impak positif kepada komuniti berhampiran dalam aspek jaringan sosial. Seperti dinyatakan oleh Informan ke 20 dalam kajian ini, mereka berjaya menambah jaringan sosial dengan pengunjung daripada pelbagai negara disebabkan sikap keterbukaan ahli komuniti setempat tersebut (Informan Ke-20, 2020). Dengan interaksi yang berlaku antara komuniti di kawasan aktiviti pelancongan dan pengunjung daripada dalam dan luar Negara, komuniti dapat saling berkongsi informasi, sejarah kehidupan dan juga ilmu pengetahuan mengenai pelbagai perkara. Informan ke 25 menegaskan perkara ini:

“..... banyak orang kampung sini...banyak dapat kawan pelancong yang datang-datang di sini. Jadi dengan perkenalan itu, orang kampung yang kurang terdedah... kurang melancong ke luar dari kawasan sini pun dapat lah juga info...sebab mereka berhubung melalui facebook, dapat tengok perkembangan [hidup]orang putih... macam mana negara dia orang”.

(Informan Ke-25, Mei 2021)

Selain daripada itu, melalui interaksi yang berlaku antara komuniti dikawasan Tanjung Simpang Mengayau dan pengunjung yang datang daripada pelbagai latar belakang informan juga menyatakan bahawa, aktiviti pelancongan dikawasan tersebut telah banyak membantu penambahan pengetahuan Bahasa asing. Komuniti dikawasan Tanjung Simpang Mengayau dikenali sebagai salah satu kelompok masyarakat orang asal pendalaman iaitu terdiri daripada suku kaum Dusun, Rungus dan Bajau. Di mana pengetahuan dalam bahasa asing selain bahasa Melayu adalah amat kurang. Kajian ini mendapati terdapat segelintir warga emas yang masih kurang fasih berbahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kewujudan kawasan aktiviti pelancongan ini telah banyak membantu komuniti untuk belajar memahami serta menguasai bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Spanish dan Tagalog. Terdapat segelintir ahli komuniti di kawasan pelancongan kini fasih berbahasa Inggeris dan Mandarin. Ini kerana kedua bahasa ini banyak digunakan oleh pengunjung yang terlibat dalam aktiviti pelancongan di Kawasan ini. Menurut informan yang mahir berbahasa English, Mandarin dan Tagalog ini, beliau mengambil masa enam (6) bulan untuk belajar dalam percakapan setiap bahasa tersebut disebabkan beliau minat dan memudahkan usaha beliau dalam

usaha menambahkan jaringan sosial. Beliau mampu bertutur dalam Bahasa asing yang mudah difahami sahaja tetapi tidak mahir untuk menulis (Informan Ke-27, Mei 2021). Manakala impak negatif dari aktiviti pelancongan yang berlaku di Tanjung Simpang Mengayau adalah sangat rendah. Ini kerana kerjasama antara penduduk kampung adalah sangat baik dan pergaulan bebas dalam kalangan belia adalah dalam keadaan terkawal (ADO Kudat & Informan Ke-26, Mei 2021).

iii. Aspek Budaya

Dari aspek budaya pula, kewujudan pusat pelancongan di kawasan Tanjung Simpang Mengayau telah memudahkan komuniti sekitar bagi memperkenalkan budaya warisan mereka kepada pengunjung dari dalam mahupun luar Negara. Saban tahun, kerisauan hilangnya budaya warisan penduduk kampung di Kampung Tiga Papan dan Kampung Marang Parang merupakan satu isu yang sentiasa menjadi perbincangan di kalangan golongan generasi tua di kedua buah Kampung tersebut, dimana generasi muda kurang berminat dalam mengambil tahu mengenai adat resam, budaya warisan suku kaum mereka sendiri dan kebanyakan generasi muda yang telah berhijrah ke kawasan pusat bandar untuk bekerja mahupun melanjutkan pelajaran. Oleh hal yang demikian, aktiviti pelancongan yang berlangsung di kawasan Tanjung Simpang Mengayau berhampiran kedua buah kampung ini telah memberi peluang serta harapan kepada generasi tua bagi memperkasakan budaya warisan mereka.

Menurut (Informan 26, Mei 202) terdapat segelintir generasi muda yang terpaksa keluar dari kampung kawasan ini ke pusat bandar sebelum ini bagi mencari pekerjaan telah pulang semula ke kampung mereka. Ini kerana mereka memperolehi peluang pekerjaan baru sebagai pemandu pelancong dan pekerjaan lain dalam bidang seni budaya, budaya warisan dan memperkenalkan sejarah penduduk kampung dikawasan ini kepada pengunjung. Misalnya, para belia ini terlibat dalam tarian tradisional yang dipersembahkan kepada pengunjung jika ada sebarang acara yang dilakukan di Tanjung Simpang Mengayau, penjualan hasil pembuatan manik dan anyaman, pameran baju tradisional suku kaum Rungus, dan persembahan seni pukulan gong yang menjadi 'lagu' utama tarian '*sumundai*'. Selain itu, pengunjung juga boleh membuat tempahan khusus untuk anyaman manik, anyaman 'lingkong' dan jahitan pakaian tradisional suku kaum Rungus beserta anyaman 'Pinakol' pada baju tradisional tersebut.

Selain daripada itu, komuniti di sekitar Tanjung Simpang Mengayau juga dapat menimba pengetahuan mengenai warisan budaya komuniti orang asal lain daripada suku kaum mereka sendiri. Selain daripada berlakunya jaringan sosial, perkahwinan campur yang berlaku antara ahli komuniti berlainan kaum membolehkan ahli komuniti tersebut mempelajari variasi budaya warisan lain. Situasi dan hal ini dapat membantu ahli komuniti khususnya golongan muda untuk lebih memahami dan memelihara budaya 'Rungus' di kawasan Kampung Tiga Papan dan Kampung Marang Parang.

Manakala impak pelancongan dari aspek budaya pula kurang kesan negatifnya. Sebaliknya, kewujudan pusat pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau sejak 2004 telah membantu komuniti dan peluang kepada generasi muda untuk menunjukkan kebolehan mereka memperagakan adat budaya mereka seperti tarian yang telah diterapkan ke atas golongan muda sejak mereka kecil lagi (ADO Kudat & Informan Ke-26, Mei 2021).

D. Pengurusan Impak Positif dan Negatif Aktiviti Pelancongan oleh Komuniti Setempat untuk Kelestarian Pelancongan.

Sektor pelancongan yang dibangunkan akan sentiasa mendapat kesan samada ia positif mahupun negatif. Namun, aktiviti pelancongan yang berlaku di pusat pelancongan Tanjung Simpang Mengayau kurang memberi impak negative kepada komuniti berhampiran kerana impak positifnya lebih dominan. Dalam aspek kebersihan alam sekitar, pihak berkuasa daerah dan agensi kerajaan yang berkaitan sangat memberi menumukan perhatian aspek kelestarian alam sekitar. Pihak berkuasa daerah Kudat telah melantik badan pelaksana untuk memastikan kebersihan alam sekitar kawasan pelancongan tersebut. Namun, para pengusaha dan komuniti berhampiran telah dikejutkan dengan berita 'lockdown' seluruh Negara akibat penularan penyakit berjangkit Covid-19 pada tahun 2020 hingga 2021. Oleh hal yang demikian, kesemua aktiviti pelancongan pada ketika itu diarahkan untuk tidak beroperasi. Dalam konteks kebersihan alam sekitar, PKP telah secara tidak langsung mengekalkan keadaan alam semula jadi yang tidak tercemar oleh aktiviti pelancongan di Kawasan Tanjung Simpang Mengayau ini.

Arahan PKP pandemic Covid 19 telah menyebabkan impak negatif dari aspek sosial dan aspek ekonomi di seluruh negara umumnya. Di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, kebanyakan ahli komuniti terpaksa berkurung bagi mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang setiap hari akan berkunjung untuk memastikan tidak ada aktiviti pelancongan yang dilakukan di Kawasan ini termasuklah kedai makan dan kedai runcit. Ahli komuniti di di Kawasan pelancongan ini terpaksa akur akan arahan PKP dan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi mengawal penularan penyakit Covid-19 pada ketika itu.

Setelah enam (6) bulan PKP Pandemik Covid 19 berlalu, golongan wanita dengan bantuan generasi muda mula menjual secara atas talian hasil kraftangan mereka. Tindakan ini diambil bagi meneruskan salah satu aktiviti pelancongan yang ada di Tanjung Simpang Mengayau. Pihak berkuasa pembangunan daerah Kudat juga membantu golongan wanita ini dalam mempromosikan hasil kraftangan mereka melalui media sosial seperti Facebook dan WhatsApp (ADO, 2021). Dengan sokongan pihak berkuasa tersebut dan usaha ahli komuniti ini tempahan bagi anyaman manik dan anyaman 'lingkong' dapat mendapat sambutan semula dan jualan mereka mula meningkat.

Selain daripada penjualan serta tempahan hasil kraftangan atas talian, pengusaha kedai runcit dan juga restoran juga mula menggunakan kaedah "Cash On

Delivery (COD)” bagi membiayai kehidupan seharian mereka dan pekerja yang masih bersama pengusaha pada ketika itu. Terdapat sebilangan kecil pihak pengusaha mendapat bantuan kewangan melalui saluran khas ‘Geran Khas Prihatin (GKP) berjumlah RM3000.00 pada fasa pertama dan ini membantu pengusaha kedai runcit dan kedai makan sebagai modal pusingan perniagaan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Informan ke 30 dalam kajian ini:

“...Saya dapat GKP fasa pertama, jadi terus saya jadikan itu modal untuk beli bahan-bahan jualan sebab 6 bulan tiada pendapatan sampai staff semua terpaksa diberhentikan sebab tiada upaya mau cari duit untuk bayar gaji dia orang... ada 2-3 orang staff saya terus direct balik kampung masing-masing... syukur dapat kebenaran polis juga masa tu. Lepas dapat tahu ada kelonggaran keluar pekan untuk 2 orang masa tu saya terus bawa staff saya yang tinggal 1 orang ni pergi pekan beli bahan mentah semua dan start posting jualan dan ambil tempahan melalui Facebook... tapi sebab 1 hari 1 kali saja dapat turun pekan saya akan ambil order dulu sehari awal begitu... kami masak di Mengayau tapi tidak buka kedai..”.

(Informan Ke-30, Ogos 2021)

Seterusnya, bagi aktiviti pelancongan penginapan dan sukan air pula mereka hanya dapat membersihkan kawasan perusahaan mereka sahaja kerana perlu patuh pada SOP pada waktu PKP tersebut. Terdapat sebahagian ahli komuniti berhampiran yang diberi amanah oleh pengusaha untuk menjaga dan membersihkan kawasan perusahaan mereka. Ini kerana terdapat pengusaha pelancongan telah balik ke Kampung halaman mereka pada awal 3 bulan pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan itu. Menurut (Informan ke-6, Oktober 2020), menyatakan bahawa sebagai ahli komuniti kampung berhampiran pusat pelancongan ini, mereka diminta oleh pengusaha aktiviti pelancongan sukan air memastikan peralatan sentiasa diselenggara dengan baik seperti bot dan alat-alat kelengkapan sukan air. (Informan ke-17, Oktober 2020) menyatakan bahawa beliau beserta beberapa orang kampung bekerjasama dalam memastikan kebersihan kawasan penginapan pelancongan dan mendapat upah lumayan kerana mereka melakukan pembersihan kawasan tersebut 2 kali dalam seminggu.

Justeru, sepanjang tempoh PKP Covid 19 tersebut tidak banyak aktiviti dapat dilakukan oleh ahli komuniti di Kawasan pelancongan Tanjung Simpang Mengayau tersebut. Mereka hanya mematuhi setiap arahan dan SOP yang diumumkan oleh pihak berkuasa keselamatan demi mengawal penularan wabak penyakit tersebut agar mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa seperti sebelum ini.

KESIMPULAN

Perbincangan dapatan dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa perkembangan aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah telah memberi impak positif melebihi impak negatif kepada ahli komuniti setempat terutama di kampung-kampung yang berhampiran lokasi ini sejak tahun 2014 hingga hujung 2019. Impak positif pembangunan pelancongan di Kawasan Tanjung Simpang Mengayau ini meliputi aspek ekonomi, sosial, budaya dan kelestarian alam sekitar. Doxey (1976) mengenal pasti dalam iritasi indeks beliau sebagai tahap 'euphoria' dan 'apathy'. Justeru, kita boleh rumuskan bahawa pembangunan pelancongan di Tanjung Simpang mengayau adalah selaras dengan konsep pembangunan pelancongan mapan. Impak positif pembangunan pelancongan ke atas komuniti setempat lebih dominan dari impak negative. Impak negatif yang berlaku adalah di sebabkan oleh berlakunya pandemik Covid 19 di seluruh dunia dan pelaksanaan PKP oleh pihak berkuasa di Malaysia bagi mengawal penularan wabak ini. Penyelidik mendapati bahawa pihak berkuasa, para pengusaha pelancongan di Sabah dan ahli komuniti setempat sedang giat dan berusaha gigih untuk memulihkan semula aktiviti pelancongan di Tanjung Simpang Mengayau dalam masa yang terdekat ini demi mencapai pembangunan pelancongan dan komuniti lestari di Sabah khususnya.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Kampung dan ahli komuniti dari Kampung Tiga Papan dan Kampung Marang Parang, pihak pengusaha dan pengurusan premis pelancongan, para perniaga dan penjaja yang ada di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat kerana memberi kerjasama menjayakan kajian ini. Ribuan terima kasih juga kepada pihak pengurusan Taman-Taman Sabah dan Pejabat Daerah Kudat, Sabah kerana sudi memberi kerjasama dan membantu kami dalam menyiapkan kajian dan penulisan ini.

RUJUKAN

Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara dan Pembangunan Insan*. Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.

- Abraham Pizam & Aliza Fleischer, (2002) *Severity versus Frequency of Acts of Terrorism: Which has a Larger Impact on Tourism Demand*. Journal of Travel Research, Volume 40, Issue 3, Pages 337-33.
- Afandi, A. (2014). “*Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods in Batu (East Java, Indonesia): SLFT Approach (Sustainable Livelihood Framework for Tourism)*” Journal of Economics and Sustainable Development.
- Anwar, F. H., Hassan, M. M. and Mohd Khir, A. (2021) “Persepsi Impak Industri Pelancongan terhadap Kualiti Hidup Komuniti Setempat di Batu Ferringhi, Pulau Pinang”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), pp. 133 - 149.
- Asian Business Sept. 1982 dlm. S.M. Mohd. Idris. See the Third World while it Lasts: The Social and Environment Impact of Tourism with Special Reference to Malaysia”. 1995, Consumers’ Association of Penang.
- Awani “Belanjawan 2019: Hasil cukai pelancongan dikongsi dengan kerajaan negeri” dipetik dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2019-hasil-cukai-pelancongan-dikongsi-dengan-kerajaan-negeri-190065>.29/09/2021.
- Awani “Ceritalah ASEAN - Sabah dan Industri Pelancongan Mampan” <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ceritalah-asean-sabah-dan-industri-pelancongan-mampan-2014>. 30 Januari 2022.
- Azizan Marzuki. (2008). Decision making and community participation: A case study of the tourism industry in Langkawi. *Tourism*. 56. 227-241.
- Coccosis, H., & Nijkamp, P. (1995). *Sustainable tourism development*. Avebury.
- G. J. Ashworth & J. E. Tunbridge. (2002). The tourist–historic city, retrospect and prospect of managing the Heritage City. *International Journal of Tourism Research*.
- Glenn F. Ross, (1992) *Resident Perceptions of The Impact of Tourism on Australian City*. *Journal of Travel Research*, Volume 30, Issue 3, pages 13-17.
- Hairal, H., & Hussin, R. (2021). *Potensi Membangunkan Program Homestay Dan Penglibatan Komuniti Di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jobsts/article/view/3601>.

- Hamzah, Mior Ahmad and Mamat, Rashidah. (2004). *Nilai perpaduan dalam kenegaraan Malaysia: Mencari titik persamaan dari kepelbagaian komuniti pasca modenisme*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Harifah Mohd Noor, Rosmiza Mohd Zainol, New Gaik Ling, Jabil Mapjabil, Ruzila Ismail, Badariah Ab Rahman, Mohd Jirey Kumalah.(2015).”Faktor budaya dan bukan budaya dalam mempengaruhi lawatan ulangan: Kajian kes pelancong asing Pulau Pinang”. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*.
- Hussin, R., & Kunjuran, V. (2014). *Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia*. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*.
- Jamaluddin Md. Jahi.2009.Pembangunan Pelancongan Dan Impaknya terhadap persekitaran Fizikal Pinggir pantai.Malaysian Journal of Environmental Management 10(2): 71-88.
- Kathleen L. Andereck, Karin M. Valentine, Christine A. Vogt & Richard C. Knopf. (2007). ”A Cross-cultural Analysis of Tourism and Quality of Life Perceptions”. *Journal of Sustainable Tourism*, 15:5, 483-502.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP%20DR%20011118.pdf>.30 Januari 2022.
- Kementerian Pelancongan Negeri Sabah. (2015). Mt Kinabalu to top attraction. Retrieved from <http://kepkas.sabah.gov.my/>
- Kim, Kyungmi & Uysal, Muzaffer & Sirgy, M.. (2013). How Does Tourism in a Community Impact the Quality of Life of Community Residents? *Tourism Management*. 36. 527-540. 10.1016/j.tourman.2012.09.005.
- Kunjuran, V. (2019). *Kajian terhadap syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program homestay di Malaysia - UKM Journal Article Repository*. <http://journalarticle.ukm.my/14170/>.
- Ko, D.W., and W. P. Stewart. (2002). A Structural Equation Model of Residents’ Attitudes for Tourism Development.*TourismManagement*, 23 (5): 521-30.

- Lawrence R. Allen, Patrick T. Long, Richard R. Perdue, Scott Kieselbach, (1988) *The Impacts Of Tourism Development On Residents' Perceptions Of Community Life*. Journal of Travel Research, Volume 27, Issue 1, Pages 16-21.
- L F Liu & J C Wang, (1987) *Supercoiling of the DNA template during transcription*. Proceedings of the National Academy of Sciences Oct 1987, 84 (20) 7024-7027.
- MalaysiaAktif “Jumlah Pelancong ke Sabah Meningkatkan-Masidi” dipetik dari <https://malaysiaaktif.my/2016/10/jumlah-pelancong-ke-sabah-meningkat-masidi/>. 28 Oktober 2020.
- Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism, economic, physical and social impacts*. Longman
- Mohd Salleh, N. H., Othman, R., Mohd Idris, S. H., Jaafar, A. H., & Selvaratnam, D. P. (2012). “*The Indigenous Community's Perceptions Of Tourism Development In The Cameron Highlands, Malaysia: a Preliminary Study*”. Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA), 4(1). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/44512/1/44512.pdf>.
- Mowforth, M., & munt, ian. (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. Psychology Press,Business & Economics.
- Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon. (2021). Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar. Journal of Social Sciences and Humanities, E-Bangi, UKM.
- Nor Syafawani Nordin & Habibah Ahmad. (2020). “*Pemetaan Aset dan Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan di Kilim dan Makam Mahsuri, Langkawi*”. JURNAL WACANA SARJANA,Volume 4(2).
- Nurhayati, M. S. (2002). Pengertian Pariwisata Jakarta Badan Pengembangan dan diklat.
- Omar, M & Joarder, Anwar & Riaz, Muhammad. (2013). JP 69. Omar, M.H.; Joarder, A.H. and Riaz, M. (2013). On a correlated variance ratio distribution and its industrial application. Accepted in Communications in Statistics - Theory and Methods. (ISI) Distribution and Its Industrial Application. 44. 261-274.
- Poplin, D. (1978). *Communities: A survey of theories and methods of research* .

- Raihan Anas, and Rosazman Hussin, and Teuku Afrizal, (2018) *Penyertaan komuniti dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah*. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (3). pp. 116-127.
- Rosniza Aznie Che Rose, Zainor Nizam Zainal Abidin, Rosmiza M.Z. (2018). Kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan homestay di Daerah Temerloh. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*.
- Safura binti Ismail, (2015) *Social Impacts of Tourism Development On Local Community in Mukim Kedawang, Langkawi Island*.
- Salleh, Kalsom & Chong, Siong-Choy & Ahmad, Syed & Ikhsan, Syed. (2013). The extent of influence of learning factors on tacit knowledge sharing among public sector accountants. *VINE*. 43. 10.1108/VINE-06-2012-0021.
- Sharpley, R., & Telfer, D. J. (Eds). (2002). *Tourism and Development: Concepts and Issues*. United Kingdom: Channel View Publications.
- Šimková a, Jindřich Holzner b (2007). *Motivation of Tourism Participant*. Published by Elsevier Ltd.
- Upchurch, R. S., & Teivane, U. (2000). Resident perceptions of tourism development in Riga, Latvia. *Tourism Management*, 21(5), 499-507.
- Yu, C.-P. (Simon), Chancellor, H. C., & Tian, S. (2011). "Measuring Residents' Attitudes toward Sustainable Tourism: A Reexamination of the Sustainable Tourism Attitude Scale". *Journal of Travel Research*, 50(1), 57–63. <https://doi.org/10.1177/0047287509353189>.